

Enovix tubuh kemudahan pembuatan volum tinggi

Enovix Corporation (Enovix), firma bateri silikon serba maju yang tersenarai di Nasdaq, bakal menubuhkan kemudahan pengeluaran volum tinggi pertamanya di Pulau Pinang dengan nilai pelaburan RM5.8 bilion (AS\$1.2 bilion) dalam tempoh 15 tahun.

Rancangan pelaburan syarikat itu dikongsikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim susulan pertemuan yang diadakan di luar Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), di sini semalam.

Jumlah itu termasuk barisan pembuatan pertama membabitkan kos RM315 juta (AS\$70 juta), menerusi rakan kerjasamanya dengan YBS International Bhd.

Turut hadir pada mesyuarat

itu ialah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz; Ketua Pegawai Operasi Enovix, Ajay Marathe dan Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Wira Arham Abdul Rahman.

Tengku Zafrul berkata, keputusan strategik Enovix untuk mewujudkan kemudahan pembuatan volum tinggi pertamanya di Malaysia menandakan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan di Asia Tenggara untuk syarikat teknologi maju.

Beliau berkata, penubuhan kemudahan teknologi bateri berteknologi tinggi Enovix di Malaysia adalah sejajar dengan Pe-

lan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan menjanjikan kesan limpahan tempatan yang ketara.

Katanya, ia termasuk penciptaan banyak peluang pekerjaan berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia dan peningkatan landskap perindustrian negara.

“Kami gembira dengan dedikasi Enovix terhadap Malaysia...kehadiran mereka di negara kita akan bertindak sebagai pemangkin untuk memupuk perkongsian yang saling menguntungkan dengan pihak berkepentingan tempatan, terutamanya dalam industri teknologi bateri.

“Memandangkan Enovix meletakkan asasnya di Malaysia, kami menjangkakan transforma-

sinya menjadi kolaborator industri utama dan penyumbang kepada kemajuan dan pembangunan ekonomi kita.

“Pelaburan Enovix di Malaysia adalah bukti kepercayaan syarikat terhadap keupayaan dan tenaga kerja kita serta memperkukuh ekosistem penyelidikan dan pembangunan (R&D) Malaysia,” katanya.

Sementara itu, Marathe berkata, keputusan syarikat untuk memilih Malaysia bagi kemudahan pembuatan volum tinggi pertamanya adalah sesuatu yang mudah.

“Jumlah bakat teknikal Malaysia yang mendalam, persekitaran mesra perniagaan dan terletak berdekatan dengan vendor

dan kemudahan pembuatan pelanggan kami, menjadikannya lokasi yang ideal untuk kami membantu membangunkan ekosistem rantaian bekalan bateri dan mengeluarkan serta menskalakan bateri generasi yang akan datang,” katanya.

Enovix yang beribu pejabat di Amerika Syarikat (AS) mempunyai rangkaian di India, Korea Selatan dan Malaysia dengan penggunaan teknologi baterinya merangkumi Internet Pelbagai Benda, peranti mudah alih, pengkomputeran dan kenderaan.

Enovix Malaysia Sdn Bhd kini dalam proses pemasangan mesin dan diunjurkan untuk memulakan operasi penuh menjelang April tahun depan.